# B A B

# V

# PENUTUP

# BAB V

# PENUTUP

## A. KESIMPULAN-KESIMPULAN

Setelah melalui beberapa cara kajian,penyelidikan dan pe-nafsiran data,penulis merasakan bahawa perbincangan kertasprojek ini hampir sampai ke penghujungnya.Justeru itu penulis akan me-ngemukakan beberapa kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan pe-nilaian secara umum.Antaranya ialah :

1. FELDA atau nama lengkapnya FEDERAL LAND DEVELOPMENT AUTHORITY adalah sebuah badan kerajaan yang bertanggungjawab da-lam bidang penerokaan tanah.Keadaannya yang tersusun di segi ke-dudukan perkampungannya,meliputi bentuk pentadbirannya yang te-rancang sering mengatur berbagai aktiviti dan program untuk ke-pentingan masyarakatnya yang bergelar masyarakat peneroka.

2. Pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh pihak FELDA kini telah mencapai satu tahap yang membanggakan dengan adanya sebagai keperluan asas yang lengkap dan sempurna,di samping me-ningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian yang diusahakan o-leh golongan peneroka.Semua ini memberi pulangan yang besar ke-pada kekayaan dan kemajuan negara.

3. Meskipun masyarakat peneroka sentiasa bekerja keras untuk meningkatkan pembangunan ekonomi keluarga dalam usaha mem-perbaikan rezki kehidupan namun mereka tidak ketinggalan bersama-

na meningkatkan pengetahuan Islam yang dianggap sebagai asas pegangan utama dalam kehidupan seseorang individu muslim.Tanpanya hidup manusia akan terumbang-ambing walaupun ditegakkan dan dilingkungi harta kekayaan yang melimpah.Tegasnya,sebagai sebuah masyarakat Islam yang bernaung di bawah panji-panji keislaman yang suci masyarakat peneroka amat mementingkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

4..Aktiviti-aktiviti bercorak keagamaan yang sentiasa dijalankan oleh pihak FELDA di bawah penguasaan Badan Pembangunan Kerohanian Masyarakat dengan kerjasama beberapa badan lain merupakan satu usaha dan perkembangan yang positif serta menggalakkan untuk memberi kesedaran tentang betapa pentingnya ajaran Islam itu dipelajari dan dipraktikkan seteruanya dipertingkatkan potensinya demi kegemilangan dan kecemerlangan Islam di masa hadapan.

5. Segala aktiviti-aktiviti Islam yang dijalankan di kalangan masyarakat peneroka sememangnya mempunyai hubungkait yang rapat dengan usaha memperkembangkan dakwah Islamiah yang menjadi kewajipan utamaorang-orang muslim.Ini semua amat penting untuk menjamin kesucian Islam itu sendiri,bukan hanya diperkotakkatikkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab yang cuba mempermainkan Islam.Usaha berdakwah atau menyeru masyarakat kepada Islam amat perlu untuk memelihara pengembangannya yang berterusan,pengamalannya dalam segenap aspek hidup serta untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan agar Islam dijadi-

kan teras pegangan dan kepercayaan yang teguh di kalangan manusia.

6. Pihak pentadbiran FELDA sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat peneroka seluruhnya terhadap ajaran Islam.Ia bukan hanya terhad kepada golongan peneroka dan penerokawati (golongan dewasa) sahaja tetapi juga melibatkan golongan belia yang lebih dikenali dengan nama'generasi kedua' demikian juga golongan kanak-kanak.Ini terbukti dengan terbinanya kelas-kelas agama dan kelas Al Quran yang dibekalkan dengan tenaga-tenaga pengajar dan segala peralatannya.Semua ini amat penting untuk menyedarkan masyarakat peneroka terhadap pendidikan Islam anak-anak sejak kecil lagi bagi membentuk keperibadian dan akhlak yang mulia.

7. Sememangnya peranan dan tanggunjawab yang dimainkan oleh tenaga pengajar agama,penceramah-penceramah tempatan dan undangan yang sama-sama menjayakan aktiviti keislaman di FELDA,merupakan satu penggerak dan asas utama dalam usaha membimbing dan mengajar masyarakat peneroka tentang kepentingan Islam itu sendiri.

8. Sebagaimana usaha-usaha lain aktiviti-aktiviti keislaman yang dijalankan di kalangan masyarakat peneroka FELDA ini juga tidak dapat lari dari masalah-masalahnya yang tersendiri. Sesungguhnya masalah-masalah tersebut sukar untuk diselesaikan tanpa adanya kerjasama dan kesedaran yang jitu antara semua pihak yang terlibat.

## B. SARANAN-SARANAN

Berdasarkan kesimpulan-kesimpulan yang dibuat penulis merana amat perlu dikemukakan beberapa saranan terhadap masalah-masalah dan persoalan penyelidikan yang dikaji.Penulis dapat menyatakan saranan-saranannya sebagaimana berikut:

1. Sebagai sebuah badan kerajaan yang mementingkan pembangunan dan kemajuan masyarakat,FELDA bukan hanya berusaha memainkan peranannya ke arah meningkatkan pembangunan lahiriah masyarakat peneroka terutama di segi taraf ekonomi dan pendapatan mereka semata-mata dengan adanya penghasilan pertanian yang dikeluarkan namun ia juga seharusnya memainkan peranan penting ke arah meninggikan tahap pencapaian dan penghayatan keilmuan Islam serta kerohanian masyarakat bagi mempastikan prinsip-prinsip Islam dipatuhi dan diamalkan sepanjang zaman.

2. Untuk menarik minat yang mendalam di kalangan masyarakat peneroka terhadap aktiviti-aktiviti keislaman yang dijalankan ,perancangan dan pelaksanaannya hendaklah bersesuaian dengan peringkat golongan masyarakat yang wujud samada golongan kanak-kanak,belia atau orang-orang dewasa.Penyelarasan aktiviti yang tersusun ini akan memudahkan penerimaan mereka terhadap pengajaran yang disampaikan lantaran pencapaian mereka yang berbeza antara satu sama lain.Penerimaan yang baik dan berkesan ini merupakan langkah positif ke arah menggalakkan minat mereka untuk mendalami Islam.

3. Pihak pentadbiran FELDA hendakalah sentiasa memberi kesedaran terhadapa kepentingan menghadiri dan mengikuti aktiviti-aktiviti keislaman yang dianjurkan khususnya dalam masyuarat yang diadakan di antara pegawai-pegawai FELDA dengan para peneroka .Dalam perkara ini pengurus mestilah memainkan peranannya sebagai seorang yang bertanggungjawab terhadap kepentingan masyarakat FELDA .Jangan hanya memberikan perhatian kepada soal-soal untuk meninggikan pendapatan peneroka semata-mata,sebaliknya peningkatan terhadap ilmu pengetahuan Islam juga amat penting dan perlu diberk keutamaan.Dengan kata lain keseimbangan antara kemajuan keduniaan dan keagamaan mestilah sama-sama ditekankan.

4. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha untuk menjalankan aktiviti keislaman sesuatu pihak itu mestilah menghadapi berbagai masalah dan halangan yang boleh menjejaskan perjalanan dan pelaksanaannya ,khususnya di segi kerjasama.Dengan itu kerjasama yang padu dan jitu antara semua pihak amat penting untuk menjamin keberkesanan dan kejayaannya,di samping menepikan sebarang perselisihan dan gejala-gejala tidak sihat yang dapat menghalang segala program yang telah dirancangkan.

5. Sebagai sebuah masyarakat yang terdiri dari berbagai peringkat umur sememangnya para peneroka ingin melahirkan golongan yang berpotensi dan berkebolehan serta berpengetahuan agama yang cukup di samping menjalani kehidupan bermasyarakat yang [illegible] dengan lunas-lunas Islam.Justeru itu masyarakat peneroka yang bertindak sebagai ibubapa seharusnya mementingkan pelajaran didikan agama anak-anak mereka sejak kecil lagi.Dorongan ju-

ka hendaklah memberi perhatian dan mengawasi tingkahlaku golongan remaja (belia) di mana ianya sentiasa terdedah kepada pengaruh-pengaruh luar yang tidak baik. Para ibubapa juga sepatutnya membimbing anak-anak mereka dengan pengamalan hidup yang baik dan mulia serta memberi kesedaran yang berguna. Ini penting untuk menjamin dan mengekalkan kesejahteraan hidup bermasyarakat seterusnya dapat mengurangkan keruntuhan akhlak dan moral di kalangan mereka.

6. Semasa aktiviti keislaman dijalankan, hendakalah dibuat satu pendekatan yang dapat menarik minat masyarakat peneroka. Di sini penulis menyarankan supaya diadakan tayangan video atau tayangan filem supaya masyarakat dapat melihat dengan lebih jelas terhadap sebarang masalah agama yang dibincangkan, seterusnya dapat melihat dan mengambil contoh secara langsung serta memahaminya dengan lebih baik dan berkesan. Pendekatan ini dapat menambahkan lagi bilangan peneroka yang menghadiri aktiviti-aktiviti keislaman yang dijalankan dari semasa ke semasa.

7. Pihak FELDA hendaklah mewujudkan atau membentuk satu badan dakwah yang sentiasa memberi khidmat-sokongan dalam usaha mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk keislaman. Badan ini hendaknya terdiri daripada para ulama, bilal dan orang-orang tertentu yang mempunyai asas pendidikan agama yang baik. Dengan adanya badan ini dapat melancarkan lagi pelaksanaan tugas-tugas dan program yang akan dijalankan.